

30/07/2001

Nilai murni benteng tolak unsur negatif

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, anak perlu disemai dengan nilai mulia sejak awal bagi membolehkan mereka menjadi warganegara bertanggungjawab dan tidak terbabit dalam kegiatan jenayah dan keganasan.

Katanya, perkembangan dunia hari ini menyebabkan ramai wanita memasuki bidang pekerjaan seperti lelaki dan ini antara faktor kurangnya tumpuan kepada mendidik dan menjaga anak di rumah.

"Sekarang ramai yang bekerja dan tidak ada masa yang cukup. Jadi mereka perlu tentukan apa jua masa yang ada ditumpukan kepada pendidikan anak dan disemai dengan nilai mulia.

"Hanya bila semai nilai mulia, mereka sendiri akan menolak perkara tidak baik," katanya ketika melancarkan kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Dr Mahathir berkata, penggubalan dan pelaksanaan undang-undang semata-mata tidak berkesan dalam mengawal tingkah laku anggota masyarakat kerana setiap manusia perlu mempunyai kesedaran sendiri untuk mengawal diri.

"Undang-undang boleh digubal dan laksana. Tetapi tidak ada undang-undang atau polis yang cukup berkesan untuk hapuskan keganasan dengan cara mengawasi gerak-geri seseorang setiap masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila rakyat Malaysia berpegang kepada budaya menolak keganasan, dengan sendirinya keganasan tidak bertapak di negara ini.

Katanya, tanggungjawab wanita meningkat di negara ini kerana mereka kini lebih ramai yang mendapat pendidikan di institusi pengajian tinggi berbanding lelaki.

Perdana Menteri berkata, jumlah wanita di negara ini yang berpengetahuan dan mempunyai kecekapan turut meningkat.

"Oleh kerana pada waktu ini nampaknya wanita lebih cergas, kita perlu beri tempat yang sewajarnya. Ini bermakna tanggungjawab wanita pada masa depan akan meningkat," katanya.

Mengenai kempen Ombak, Dr Mahathir berharap, ia akan membantu mengurangkan kes keganasan di negara ini.

"Ini akan ambil masa tapi harus sabar dan terus berkempen sepanjang masa. Itulah harapan kerajaan," katanya.

(END)